

Tazkirah Ramadan dan Sumbangan Kuih Raya Matahari



Kuantan, 8 Julai- Lebih 100 ahli Persatuan Wanita UMP (Matahari) hadir dalam Program Tazkirah Ramadan yang dianjurkan sebagai mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Dalam program ini, Ustazah Anita Abdul Rani, pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) membicarakan tentang persiapan diri dalam mengambil keberkatan pada sepuluh malam terakhir sebelum menjelangnya bulan Syawal.

Katanya, umat Islam perlu memperbanyakkan istighfar dan berselawat serta membaca Al-Quran selain menunaikan solat sunat Tarawikh dan solat sunat yang lain terutamanya dalam mengejar malam istimewa iaitu Malam Laitul Qadar.



"Amalan yang dilakukan sepanjang Ramadan ini diharapkan menjadi transformasi diri ke arah kebaikan dan diteruskan pada bulan-bulan berikutnya," kata Ustazah Anita. Sementara itu, dalam program yang sama turut berlangsung majlis serahan sumbangan kuih raya yang disampaikan Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali yang turut dihadiri Presiden Persatuan Matahari, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim. Dalam ucapannya, Datin Fazia menyeru ahli Matahari agar dapat meluangkan masa dan bergiat aktif bersama-sama jawatankuasa yang lain dalam menyokong aktiviti persatuan terutamanya dalam menjalankan khidmat sosial.



"Sepanjang Ramadan ini, persatuan turut menjalankan aktiviti kesukarelawanan dengan bekerjasama menjayakan program universiti termasuk dengan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN). Antaranya melibatkan aktiviti Jejak Asnaf dan Fakir Miskin serta Program Singgah Sahur yang akan diadakan pada minggu ini," katanya.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 09-07-2015, 16:53:47